

SULIT

1249/1

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

Sept

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

1.	Tamadun Awal	Lokasi
	Tamadun Mesopotamia	Lembah Sungai Euphrates
	Tamadun Hwang Ho	Lembah Sungai Hwang Ho


Mengapakah tamadun di atas bermula di lokasi tersebut?

- A Kemudahan pelabuhan
 B Sumber bahan galian
 C Pusat keagamaan
 D Tanah subur
2. Apakah yang dapat digambarkan dengan pembinaan piramid dalam tamadun Mesir Purba?
 A Pengaruh rahib
 B Kreativiti masyarakat
 C Kemakmuran ekonomi
 D Menghargai jasa pembesar
3. Pendidikan di Sparta dalam Tamadun Yunani bermatlamat melahirkan
 A ahli sukan
 B warganegara seni
 C tentera yang setia
 D usahawan berjaya
4. Senarai berikut merujuk kepada peringkat pendidikan dalam Tamadun China.

- Peringkat rendah
- Peringkat menengah
- Peringkat tinggi

Apakah tumpuan yang diberikan pada peringkat tinggi?

- A Membina arca
 B Menghafal tulisan
 C Menulis karya sastera
 D Menterjemah buku suci
5. Mengapakah Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* di Asia Tenggara pada abad ke-7 hingga ke-13 Masihi?
 A Arahan pemerintah
 B Asia Tenggara belum dijajah
 C Orang Melayu pedagang terulung
 D Kepulauan Melayu pusat pelancongan
6. Rajah berikut merujuk kepada bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara.



Mengapakah kerajaan maritim menjalinkan hubungan dengan kerajaan agraria?

- A Memperolehi hasil galian
 B Mendapatkan tenaga mahir
 C Memperolehi barangan mewah
 D Mendapatkan bantuan ketenteraan

7. Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan sistem kabilah

Apakah kesan daripada amalan sistem tersebut?

- A Kelahiran sistem pemerintahan
- B Kemunculan semangat assabiah
- C Kelahiran semangat persaingan
- D Kewujudan semangat perpaduan

8. Rajah berikut merujuk kepada peristiwa yang menunjukkan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin.

Perletakan semula Hajar
Aswad ke tempat asalnya

Kebijaksanaan Nabi Muhammad
s.a.w. menangani masalah yang timbul

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pengukuhan perpaduan
- B Pembinaan Masjidil Haram
- C Pengislaman masyarakat Makkah
- D Peningkatan pengunjung ke Makkah

9. Penghijrahan ke Habsyah merupakan hijrah yang pertama dalam sejarah Islam

Apakah tujuan penghijrahan tersebut?

- A Mengeratkan perpaduan
- B Mendirikan negara Islam
- C Mendapatkan perlindungan
- D Menerima pelawaan penduduk Habsyah

Tarikh	Peristiwa
1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622 M	Penghijrahan orang Islam Makkah ke Madinah

10. Apakah faktor kejayaan peristiwa tersebut?

- A Bantuan masyarakat Madinah
- B Bilangan umat Islam bertambah
- C Kekuatan ekonomi orang Islam
- D Kelemahan orang Arab Quraisy

11. Apakah tujuan peperangan dibenarkan dalam Islam?

- A Menguasai ekonomi
- B Mempertahankan diri
- C Meluaskan wilayah
- D Mendapatkan harta

- 12.
- | Khalifah | Gelaran |
|---------------------|-----------------------|
| Abu Bakar al-Siddiq | Penyelamat umat Islam |

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah beliau diberi gelaran tersebut?

- A Mengalahkan kerajaan Yunani
- B Mendamaikan golongan Ansar dan Muhajirin
- C Mengumpul dan menyalin ayat-ayat Al Quran
- D Mencadangkan perlantikan Khalifah Umar bin al-Khattab

13. Apakah usaha kerajaan Johor-Riau dalam menyebarkan Islam setelah kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
- Bekerjasama dengan Siam
 - Berperang dengan Portugis
 - Mengasaskan institusi pondok
 - Meluaskan pengaruh Wali Songo
14. Ulama tempatan telah mengubah suai huruf Arab dalam al-Quran bagi menulis perkataan Melayu sejak abad ke-15. Apakah kesan terhadap pengubahsuaian tersebut?
- Memperkenalkan tulisan Jawi
 - Pengukuhan institusi beraja
 - Kemasukan pendakwah luar
 - Perkembangan tulisan tradisi
15. Apakah kepentingan konsep daulat dalam institusi Kesultanan Melayu tradisional?
- Memastikan ketaatan rakyat
 - Menentukan nasab keturunan
 - Mengukuhkan hubungan luar
 - Memudahkan pewarisan takhta
16. Senarai berikut merujuk kepada ciri-ciri tarian tradisional yang terdapat di Tanah Melayu.
- Pengaruh dari Arab
 - Terkenal di negeri Perak
 - Berunsurkan kepahlawanan Saidina Ali
- Apakah tarian tersebut?
- Asyik
 - Dabus
 - Zapin
 - Inang
17. Bagaimanakah cara tuan tanah mendapatkan perlindungan daripada golongan raja dalam sistem feodal di Eropah?
- Menyebarkan agama Kristian
 - Menjalankan perniagaan
 - Menyerahkan tanah
 - Membayar cukai
18. Apakah faktor yang menyebabkan kuasa Portugal menjelajah ke Timur pada abad ke-15?
- Mencari pasaran
 - Mencari bekalan buruh
 - Mendapatkan rempah ratus
 - Mendapat galakan tuan tanah
19. Apakah kesan kemasukan buruh asing semasa zaman imperialisme Barat di Asia Tenggara?
- Penglibatan dalam politik
 - Perubahan komposisi etnik
 - Penempatan yang sistematik
 - Penglibatan dalam ekonomi tradisional

20. Senarai berikut merujuk kepada undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Peraturan Tanah Perak 1879 • Kanun Tanah Selangor 1891 • Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887 |
|--|

Mengapakah peraturan tersebut diperkenalkan?

- A Menyimpan rekod pemilikan
 B Menjaga kepentingan peribumi
 C Mengatasi kemelesetan ekonomi
 D Memenuhi desakan pembesar tempatan
- 21.
- | Tahun | Peristiwa |
|-----------|--|
| 1910-1920 | Wabak malaria mengorbankan 200, 000 nyawa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. |
- Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?
- A Petempatan tidak terus
 B Kemunculan bandar baru
 C Pembangunan tidak seimbang
 D Kekurangan bekalan makanan
22. Senarai berikut merujuk kepada dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh penjajah di Asia Tenggara.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Polo di Filipina • Sistem Tanaman Paksa di Indonesia |
|--|

Apakah kesan pelaksanaan kedua-dua dasar ekonomi tersebut?

- A Membasmi kemiskinan
 B Meningkatkan taraf sosial
 C Menambah jumlah eksport
 D Menindas penduduk peribumi
23. Rajah berikut merujuk kepada karya kesusasteraan yang dihasilkan di Filipina.
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Noli Me Tangere • La Solidaridad |
|---|
- Apakah kesan penulisan tersebut terhadap negara-negara di Asia Tenggara?
- A Inspirasi gerakan nasionalisme
 B Melancarkan revolusi bersenjata
 C Bekerjasama dengan penjajah
 D Menyatukan negara di Asia Tenggara
24. Mengapakah kebangkitan nasionalisme di Thailand dianggap unik berbanding dengan negara lain di Asia Tenggara?
- A Bersifat antipenjajah
 B Penentangan terhadap kuasa raja
 C Menentang raja berperlembagaan
 D Pendedahan terhadap fahaman sosialisme

25. Kongres Melayu telah diadakan pada tahun 1939 dan 1940 di Kuala Lumpur. Apakah kejayaan kongres tersebut?
- A Menghalau penjajah
 - B Mengatasi perasaan kenegerian
 - C Memberi kerjasama dengan Jepun
 - D Menyelesaikan konflik perkauman
26.

Gerakan Islah muncul di Tanah Melayu pada awal abad ke-20

- Mengapakah gerakan ini terhad di Negeri-negeri Selat sahaja?
- A Galakan sultan
 - B Kekurangan modal
 - C Sekatan undang-undang
 - D Tiada sambutan masyarakat
27. Dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, jawatan Naib Menteri Besar ditentukan oleh
- A Raja
 - B Rakyat
 - C Menteri Besar
 - D Jemaah Menteri
28. Apakah perkara yang menentukan sempadan wilayah pengaruh semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Kesetiaan rakyat
 - B Kegiatan ekonomi
 - C Konsep ketuhanan
 - D Kekayaan hasil bumi
29. Mengapakah orang dagang menentang cadangan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kedudukan mereka terancam
 - B Prinsip kerakyatan Jus Soli dimansuhkan
 - C Tiada wakil dalam jawatankuasa Eksekutif
 - D Diketepikan daripada menyertai pentadbiran
30. Mengapakah pemimpin tempatan menentang penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British?
- I Pembesar tempatan kehilangan pengaruh
 - II Rakyat tidak dilibatkan dalam pentadbiran
 - III Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
 - IV Pemimpin tempatan tidak diajak berunding
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31. Pernyataan berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952.

Gabungan UMNO-MCA memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesan daripada perkembangan di atas?

- A Pelaksanaan Sistem Ahli
 - B Pembentukan Parti Perikatan
 - C Kewujudan Lembaga Majlis Bandaran
 - D Pengenalan Dasar Desentralisasi British
32. Maklumat berikut merujuk kepada perundingan yang berlaku di London.

Tarikh	Peristiwa
18 Januari hingga 8 Februari 1956	Rundingan antara pemimpin Parti Perikatan, wakil sultan dengan kerajaan British

Apakah hasil daripada perundingan tersebut?

- A Pengisytiharan darurat
 - B Perlantikan Ketua Menteri
 - C Pembentukan suruhanjaya bebas
 - D Penentuan tarikh pembentukan Malaysia
33. Pernyataan berikut merujuk kepada pandangan Barisan Sosialis di Singapura terhadap pembentukan Malaysia.

Pembentukan Malaysia adalah satu penjajahan bentuk baru

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

- A Pungutan suara diadakan
 - B Penguasaan parti berhaluan kiri
 - C Pembubaran pentadbiran British
 - D Penarikan diri Singapura dari Malaysia
34. Pernyataan berikut merujuk kepada langkah ke arah pembentukan Malaysia.

Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) ditubuhkan pada Julai 1961

Apakah peranan jawatankuasa di atas?

- A Memperincikan referendum
 - B Menentukan dasar imigresen
 - C Mengumpul pandangan penduduk
 - D Membincangkan kepentingan penduduk
35. Sistem Raja Berperlembagaan merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka.

Apakah kepentingan sistem tersebut kepada rakyat?

- A Kebebasan hak asasi
- B Raja menaungi rakyat
- C Pengekalan sistem pemerintahan beraja
- D Pembentukan sistem demokrasi berparlimen

36. Maklumat berikut merujuk kepada keahlian Dewan Negara dalam Parlimen di Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mengandungi 69 orang• Digelar senator |
|--|

Ahli Dewan Negara dipilih melalui

- A pilihan raya
 - B pencalonan ahli politik
 - C pemilihan Jemaah Menteri
 - D perlantikan oleh Yang di Pertuan Agong
37. Matlamat penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah sebagai
- A Mewujudkan satu kebudayaan
 - B Panduan pembentukan identiti negara
 - C Ke arah pembentukan kebudayaan nasional
 - D Panduan pelaksanaan kebudayaan kebangsaan
38. Apakah kepentingan mengadakan temasya Sukan Malaysia (SUKMA)?
- A Mencungkil bakat belia
 - B Menyatukan atlit negara
 - C Mewujudkan persaingan sihat
 - D Memupuk perpaduan antara kaum
39. Antara berikut yang manakah kesan Perang Dunia Pertama di Eropah?
- I Penyatuan negara Jerman
 - II Keruntuhan pemerintahan beraja
 - III Pembentukan Liga Bangsa
 - IV Kewujudan blok dunia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
40. Maklumat berikut merujuk kepada salah satu program yang diperkenalkan oleh pertubuhan Komanwel.

Rancangan Colombo

Apakah faedah yang diperoleh Malaysia daripada rancangan tersebut?

- A Bantuan makanan
- B Bantuan pertahanan
- C Bantuan pendidikan
- D Bantuan perubatan

SULIT

1249/2

1249/2

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Sejarah

Kertas 2

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Sept

2009

2½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2009**

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan **tiga soalan daripada Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, Sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

1 Tamadun Indus yang muncul di Sungai Indus pada sekitar tahun 2500 S.M telah berjaya membina bandar terancang terawal di dunia.

(a) Namakan **dua** buah bandar terancang itu.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Nyatakan **dua** ciri keistimewaan bandar tersebut.

(i)

(ii) [2 markah]

(c) Senaraikan bidang keilmuan yang digunakan masyarakat Indus dalam membina bandar terancang.

(i)

(ii) [2 markah]

(d) Apakah sikap masyarakat tamadun Indus yang membantu kejayaan mereka membina bandar terancang?

(i)

(ii) [2 markah]


(e) Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat memastikan keindahan bandar terpelihara?

(i)

(ii) [2 markah]

[10 Markah]

2



(a) Nyatakan **dua** bidang keilmuan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah cara yang dilakukan oleh ilmuan Islam bagi meningkatkan bidang penterjemahan?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** hasil penulisan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Namakan **dua** tokoh ulama yang berjaya menghasilkan karya penulisan pada zaman kerajaan Abbasiyah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, bagaimanakah Malaysia boleh muncul sebagai pusat keilmuan?

(i)

(ii)

[2 markah]

[10 Markah]

3

Gerakan Islah yang berusaha mendorong masyarakat Melayu membetulkan pandangan mereka terhadap Islam telah digerakkan oleh Kaum Muda pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu.

- (a) Nyatakan tokoh gerakan tersebut.
 - (i)
 - (ii) [2 markah]

 - (b) Senaraikan **dua** akhbar dan majalah gerakan ini.
 - (i)
 - (ii) [2 markah]

 - (c) Apakah isu yang diperjuangkan oleh mereka?
 - (i)
 - (ii) [2 markah]

 - (d) Mengapakah Kaum Muda sukar mengembangkan pengaruh mereka ke negeri-negeri di Tanah Melayu?
 - (i)
 - (ii) [2 markah]

 - (e) Pada pendapat anda, apakah kejayaan yang dicapai oleh Kaum Muda dalam bidang pendidikan?
 - (i)
 - (ii) [2 markah]
- [10 Markah]**

4 Senarai berikut merujuk kepada usaha ke arah pembentukan perpaduan kaum di Malaysia

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Akta Bahasa Kebangsaan • Dasar Kebudayaan Kebangsaan • Sukan Untuk Perpaduan |
|--|

(a) Senaraikan usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Apakah tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal?

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** matlamat aktiviti sukan ke arah perpaduan.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah perpaduan penting kepada masyarakat di negara kita?

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(e) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah semangat perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum di sekolah?

- (i)
- (ii)

[2 markah]


[10 Markah]

Bahagian B


[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Rajah berikut merujuk kepada pengaruh agama Hindu-Buddha dalam masyarakat kerajaan awal di Asia Tenggara.



- (a) Terangkan pengaruh Hindu-Buddha dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal di Asia Tenggara. [8 markah]
- (b) Jelaskan peranan candi kepada kerajaan-kerajaan tersebut. [6 markah]
- (c) Terangkan peranan bahasa sanskrit dalam kerajaan di Asia Tenggara. [6 markah]
- 6 Rajah berikut merujuk kepada perkembangan masyarakat Eropah dari Zaman Gelap ke Zaman Renaissance.



- (a) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap. [5 markah]
- (b) Huraikan faktor-faktor yang mendorong kepada perkembangan Zaman Renaissance di Eropah. [9 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah pengajaran yang diperoleh daripada kedua-dua zaman tersebut? [6 markah]

- 7 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang digubal bagi menggantikan Malayan Union merupakan kejayaan orang Melayu menentang penjajahan mutlak British di Tanah Melayu.
- (a) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [8 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (c) Jelaskan peranan yang dimainkan oleh raja-raja Melayu dan pemimpin tempatan dalam menjayakan Persekutuan Tanah Melayu 1948 [6 markah]
- 8 (a) Terangkan usaha-usaha penduduk Persekutuan Tanah Melayu mewujudkan mengadakan Pakatan Murni. [8 markah]
- (b) Jelaskan kerjasama UMNO-MCA dalam usaha menuntut kemerdekaan negara 1957. [7 markah]
- (c) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah kita dapat mengekalkan kemerdekaan negara? [5 markah]
- 9 Selepas Perang Dunia Kedua, Malaysia memainkan peranan penting dalam pertubuhan di peringkat antarabangsa.
- (a) Nyatakan peranan Malaysia dalam menyelesaikan beberapa konflik di peringkat antarabangsa. [8 markah]
- (b) Apakah faedah yang diperoleh Malaysia dalam pertubuhan berikut:
- (i) Komanwel [3 markah]
- (ii) OIC [3 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu menyertai pertubuhan - pertubuhan dunia? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT